

LATIHAN BERKUMPULAN

MEMBINA PETA I-THINK

Baca dua bahan di bawah dan lengkapkan PETA I-THINK dengan jawapan yang sesuai.

Bahan 1

Satu daripada sukan berpasukan yang diminati oleh golongan remaja ialah bola keranjang. Bola keranjang merupakan permainan antara dua pasukan yang terdiri daripada lima orang pemain dalam setiap pasukan. Pasukan yang mendapat mata yang terbanyak dikira sebagai pemenang. Kelebihan permainan ini ialah semangat sepasukan dapat dipupuk. Hal ini adalah amat penting untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu. Selain itu, permainan ini dapat dijalankan dengan peralatan yang terhad. Yang diperlukan ialah bola keranjang dan jersi yang dapat membezakan kedua-dua pasukan yang sedang bertanding.

Bahan 2

Bola sepak merupakan sukan berpasukan yang amat popular dari dulu sehinggalah kini. Bola sepak ialah permainan antara dua pasukan yang terdiri daripada 11 orang pemain dalam tiap-tiap pasukan dan dijalankan di padang segi empat bujur yang mempunyai tiang gol di kedua-dua hujungnya. Golongan remaja digalakkan supaya bermain bola sepak kerana dapat menerapkan semangat sepasukan. Dengan adanya semangat sepasukan yang teguh, segala cabaran dan dugaan dapat diatasi bersama-sama. Golongan remaja haruslah menggunakan kelapangan yang ada untuk bermain bola sepak kerana permainan ini dapat dijalankan dengan peralatan yang terhad.

PETA I-THINK



